


**Temuduga TOT Ke-35
Kurangkan Penggunaan Kertas**

**38 Sukarelawan Sertai
Kursus AUG 2008**



KAMI SEDIA

**Unit Sukan Bersedia Menjulung Martabat Sukan
Setanding Universiti Terbaik Dunia Seiring Status Apex**

Mohd Firdaus Ismail

Unit Sukan Universiti Sains Malaysia (Usm) bersedia sepenuhnya menjulung martabat sukan supaya setanding dengan universiti-universiti terbaik dunia yang lain seiring dengan status Apex yang diumumkan baru-baru ini.

Keyakinan tersebut disuarakan oleh Pegawai Kemajuan Sukan Kanan USM, En Muhamad Mohd Hanif ketika diminta mengulas transformasi yang bakal dilakukan unit pimpinannya untuk menonjolkan lagi martabat sukan universiti.

“Apex lebih kepada meningkatkan mutu kepada taraf antarabangsa dan itulah yang telah dilakukan oleh Unit Sukan sejak beberapa tahun lalu melalui penganjuran beberapa acara sukan tahunan berprestij seperti Pesta Hoki Antarabangsa USM dan Pesta Bola Jaring,” katanya kepada *Berita Kampus* dalam pertemuan di Kompleks Sukan, baru-baru ini.

Muhamad turut melihat status Apex dari konteks kualiti dan melalui satu transformasi berkesan yang mengutamakan aspek penyediaan atlet yang benar-benar berkualiti untuk membawa cabaran universiti dalam pelbagai bidang sukan. Beliau menambah, unit sukan juga sedang merancang untuk menambah prasarana sukan sedia ada dengan membina sebuah stadium baru berkonsep “indoor”.

Ditanya tentang cabaran yang mungkin dihadapi unit sukan, beliau menjelaskan apa yang mungkin menjadi kekangan ialah kekurangan atlet muda memandangkan keutamaan akan

diberikan kepada pelajar pasca ijazah berbanding ijazah pertama.

“Keadaan ini mungkin akan menyebabkan kita kekurangan atlet-atlet muda sebaliknya berlaku penambahan

Warga Sukan mampu menampung kekurangan itu kerana tujuan ia diperkenalkan untuk mencari atlet yang benar-benar berpotensi dalam sesuatu disiplin sukan sekaligus dapat memberikan kejayaan. bersambung di m/s 23

atlet yang boleh dikategori matang kerana faktor usia”,katanya lagi.

Namun Muhamad menjelaskan satu program baru yang dikenali sebagai Program

Pegawai Kemajuan Sukan Kanan, En Muhamad Mohd Hanif menunjukkan pelan Program Warga Sukan
Gambar Oleh: Mohd Firdaus Ismail

Looking for Baju Raya?

visit
2.2 Boutique
2-53, Bukit Jambul Complex

special discount for
USM students

Please present your matric card when purchasing

WIRANA HOLIDAY SDN.BHD
RENT A CAR

CAR	WEEK DAY	HALF DAY	WEEKEND/ PUBLIC HOLIDAY
KANCIL	RM45	RM30	RM60
ISWARA	RM 70	RM 40	RM80
WIRA	RM 90	RM 50	RM 100

MR NASIR NOR
012-5532553
04-6451424
nasir@wirana.com

FREE DELIVERY SERVICES!!

7 Lebuh Pantal Jerjak 2, 11900 Bayan Lepas Penang